

NO. SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 14 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB. Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mekanisme baharu yang lebih baik dan berkesan bagi urusan mengawal selia umrah meliputi hal penginapan, visa dan tiket penerbangan ikutan pembatalan serta merta Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (IMAMS).

139

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMAED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) sentiasa mengkaji dan mengenalpasti kaedah lain yang bersesuaian dan berkesan bagi memantau dan memastikan penyediaan perkhidmatan dan kebajikan jemaah umrah/ziarah oleh syarikat pengendali umrah/ziarah benar-benar dilaksanakan khususnya berkaitan tempahan tiket penerbangan pergi dan balik, penginapan di Tanah Suci dan Visa Umrah sering kali menjadi punca kepada kes-kes penipuan pakej umrah/ziarah.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga sentiasa menambah baik pendekatan sedia ada melalui peningkatan kempen-kempen kesedaran yang dilaksanakan kepada orang awam dengan mengenalpasti kumpulan sasaran yang lebih khusus. Pada masa yang sama, Kementerian turut mengenalpasti pelbagai pendekatan alternatif lain bagi menambah baik program kesedaran penipuan pakej umrah/ziarah yang melibatkan orang awam dari pelbagai peringkat secara langsung khususnya dengan keberkesanan hebahan maklumat melalui platform media sosial dan elektronik yang lebih berimpak tinggi pada masa kini.

Sekian, terima kasih.